

17/11/2001

Wanita perlu prihatin bahaya HIV/Aids

KUALA LUMPUR, Jumaat - Wanita perlu prihatin mengenai bahaya jangkitan penyakit kelamin, terutama HIV/Aids berikutan peningkatan jumlah penghidap virus itu sejak 10 tahun lalu.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir, perangkaan Kementerian Kesihatan sehingga Jun lalu menunjukkan terdapat 40,049 kes HIV positif, iaitu pertambahan kira-kira 5,000 kes baru setiap tahun.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 90 peratus membabitkan lelaki yang terbabit dalam penagihan dadah.

"Bagaimanapun kes di kalangan wanita mencatatkan peningkatan dari satu peratus kepada 10 peratus dalam masa 10 tahun.

"Keadaan ini agak membimbangkan dan wanita perlu turut diberi tumpuan untuk program penerangan mengenai Aids," katanya selepas merasmikan Sambutan Hari Aids Sedunia di Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini, hari ini.

Sementara itu, Marina berkata, pihaknya bersetuju dengan kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Suleiman Mohamed bahawa kementerianya tidak menggalakkan ujian HIV terhadap bakal pengantin yang diwajibkan di Johor kerana tiada manfaatnya dalam usaha pencegahan HIV.

Beliau berkata, pendirian Kementerian Kesihatan, MAM, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Program Gabungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Mengenai HIV/Aids adalah sama kerana peraturan itu tidak akan berjaya dalam pencegahan wabak itu.

"Bukannya tanpa sebab mengapa semua pertubuhan ini menolak. Saya berharap peraturan seperti itu tidak akan berjangkit ke negeri-negeri lain. Tidak ada asas dari segi saintifik ia dapat mencegahnya.

"Tindakan itu hanya akan menguatkan stigma dan diskriminasi di kalangan orang ramai mengenai penyakit ini. Akhirnya, orang yang mengidapnya akan lari sehingga menyukarkan pertubuhan sukarela seperti kami memberi kaunseling untuk mencegahnya daripada menjangkiti orang lain," katanya.

Sebelum ini, kerajaan Johor meluluskan peraturan "mewajibkan" bakal pengantin Islam negeri itu menjalani ujian HIV/Aids mulai Selasa lalu, sebelum bernikah.

Bagaimanapun, Jabatan Agama Islam Johor (Jaij) turut menjelaskan bahawa perkataan mandatori bagi ujian berkenaan tidak bermakna bakal pengantin dipaksa menjalani ujian HIV tetapi jabatan berkenaan menggalakkan mereka berbuat demikian.

(END)